

## BROMHEXINE

### B. APAKAH KEGUNAAN UBAT INI?



- + Ubat ini merawat gangguan pernafasan yang dikaitkan dengan kahak berlebihan.

### B. BAGAIMANA UBAT INI BERTINDAK?

- + Ubat ini bertindak dengan mencairkan lendir atau kahak dalam saluran pernafasan.

### C. BAGAIMANA UBAT INI DIGUNAKAN?

#### A. CARA MAKAN

- + Makan ubat ini seperti diarahkan oleh doktor.
- + Ubat ini boleh dimakan selepas makan.
- + Ubat ini perlu diambil secara berterusan dan pada waktu yang sama.



#### B. JIKA TERLUPA

- + Makan dos yang terlupa sebaik sahaja teringat TETAPI abaikan dos tersebut jika telah hampir masa untuk dos seterusnya.
- + Jangan gandakan dos ubat untuk menggantikan dos yang terlupa.

#### C. BAGAIMANAKAH ANDA PERLU MENYIMPAN UBAT INI?

- + Simpan ubat dalam bekas asal pada suhu bilik (23°C - 27°C), jauh dari haba, kelembapan dan cahaya matahari.
- + Jauhkan daripada kanak-kanak.

## D. PERINGATAN !!!



### ➤ SEBELUM MENGAMBIL UBAT INI

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- Mempunyai penyakit hati , penyakit buah pinggang atau asma.
- Mengambil sebarang ubat, vitamin, produk herba atau makanan kesihatan tambahan, kerana ia mungkin bertindakbalas dengan ubat ini.
- Sekiranya anda hamil, merancang untuk hamil dan memberi susu badan.

### ➤ SEMASA MENGAMBIL UBAT INI

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- Mengalami kesan sampingan yang berlarutan (contoh: cirit-birit atau sakit kepala).
- Didapati hamil dan memberi susu badan.
- Mengalami alahan/alergi kepada ubat ini.



# **AMARAN !!**

**SEKIRANYA  
TANDA-  
TANDA INI  
BERLARUTAN  
SILA  
RUJUK  
DOKTOR**

## **E. KESAN SAMPING UBAT**

 Pesakit mungkin akan mengalami kesan-kesan berikut:

- Rasa loya dan muntah.
- Sakit perut.
- Cirit birit.
- Sakit/Pening kepala.

 Pesakit perlu melaporkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya mengalami kesan seperti berikut:

- Reaksi alahan ubat seperti ruam, bengkak mulut atau mata, sesak nafas.

Rujukan:

- <https://www.mims.com/malaysia/drug/info/bromhexine/patientmedicine/bromhexine%2B-%2Boral> (accessed on 22/9/2021)

---

Sebarang pertanyaan mengenai ubat-ubatan, sila hubungi Jabatan Farmasi, Hospital Universiti Sains Malaysia. 09-7673000 sambungan:

Unit Farmasi Klinikal dan Maklumat Drug : 3384/3386

Unit Farmasi Pesakit Luar : 3393/3394

---